

# Sektor aeroangkasa negara dijangka pulih 2024

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Jun 22, 2021 @ 2:21pm

[zahrin@bh.com.my](mailto:zahrin@bh.com.my)



Kadar pengeluaran rantaian bekalan industri aeroangkasa berkurangan sebanyak 40 peratus ketika pandemik COVID-19 - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Industri aeroangkasa Malaysia dijangka hanya akan kembali ke tahap seperti sebelum COVID-19 pada 2024, didorong oleh pemulihan ekonomi global daripada kesan pandemik itu.

Situasi itu juga bakal menyaksikan peningkatan semula sektor penerbangan antarabangsa dan segmen pengeluaran produk tulen (OEM) susulan pelaksanaan program vaksin di peringkat global.

Pengarah Kanan Spirit Aerosystems Malaysia, Datuk Zulkarnain Mohamed, berkata COVID-19 memberikan impak negatif kepada industri itu dengan pengurangan permintaan dalam sektor utama seperti pembuatan aeroangkasa, penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), sistem integrasi, perkhidmatan kejuruteraan serta pendidikan dan latihan.

Beliau berkata, peningkatan kos barangan mentah dan perkhidmatan turut memberi impak kepada operasi syarikat OEM dan MRO di Malaysia.

"Kadar pengeluaran rantaian bekalan berkurangan sebanyak 40 peratus ketika pandemik COVID-19 melanda negara.

"Banyak kekangan dihadapi seperti penutupan operasi serta kesukaran logistik sepanjang tempoh ini.

"Industri mengunjurkan keseluruhan sistem akan mungkin kembali pulih ke tahap sebelum berlakunya COVID-19 seawal 2024," katanya.

Beliau berkata demikian dalam forum anjuran Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA), hari ini.

Zulkarnain berkata, walaupun berdepan cabaran, industri aeroangkasa negara masih terus bertahan dengan kapasiti pengeluaran yang rendah.

Beliau berkata, ia berikutan Malaysia menjadi salah satu peserta utama industri aeroangkasa dan memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan global.

Katanya, jika terhenti, ia akan memerlukan masa yang panjang sehingga lima tahun untuk kembali dan bersaing dengan industri aeroangkasa global.

"Peranan ini perlu diteruskan dengan perbincangan berterusan antara industri dan kerajaan. Malaysia mempunyai kemudahan aeroangkasa yang lengkap selain tenaga kerja berkemahiran tinggi tempatan.

"Usaha meningkatkan aeroangkasa selama ini tidak boleh terhenti walaupun berdepan cabaran yang tidak pernah dihadapi sebelum ini," katanya.

Zulkarnain berkata, berkata industri di Malaysia juga perlu pantas untuk beralih kepada OEM dan MRO pelbagai sektor lain selain penerbangan seperti pesawat tanpa pemandu (UAV) dan dron.

Beliau berkata, UAV dan dron mempunyai permintaan global yang tinggi, justeru peserta industri aeroangkasa perlu pantas berubah bagi membolehkannya kekal relevan di pasaran antarabangsa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), Shamsuddin Mohamed Yusof, berkata pemulihan aeroangkasa juga bergantung kepada program vaksinasi di pasaran utama seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK), sama seperti industri lain.

Beliau berkata, apabila lebih ramai mendapat vaksinasi, industri penerbangan akan kembali pulih dan memerlukan lebih banyak OEM dan kerja MRO berbanding ketika ini.

Lantaran itu, katanya, semua pihak harus bersama dalam pembangunan pemulihan industri ini untuk masa hadapan.

"Ia juga sekali gus akan meningkatkan pendapatan syarikat berkaitan aeroangkasa di Malaysia, seterusnya membuka semula peluang pekerjaan," katanya.